

PBT digesa

tutup

kilang haram

dekat Sungai

Selangor ^{BHRIAN}

23/7/19 MS 9

Kuala Lumpur: Kerajaan negeri, pihak berkuasa tempatan (PBT) dan Jabatan Alam Sekitar (JAS) perlu mengenal pasti dan menutup semua kilang haram berhampiran Sungai Selangor, bagi mengurangkan risiko masalah pencemaran bekalan air daripada berulang pada masa depan.

Presiden Persatuan Penyelidikan Air dan Tenaga Malaysia (AWER), S Piapakaran, berkata tindakan drastik itu perlu diambil selepas lebih 1.6 juta pengguna dan penduduk di Selangor dan Kuala Lumpur, terpaksa berdepan gangguan bekalan air bersih selepas empat loji rawatan air (LRA) di Sungai Selangor ditutup akibat pencemaran pada Jumaat dan Ahad lalu.

"Kita kena tengok mungkin ada kilang haram yang menyebabkan pencemaran, maka PBT, kerajaan negeri dan JAS boleh mengarahkan supaya ditutup serta merta.

"JAS, Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) dan PBT juga perlu membuat bancian dan mengenal pasti berapa banyak kilang sah di Selangor, yang berisiko menyebabkan pencemaran sungai atau sumber bekalan air mentah," katanya ketika dihubungi *BH* di sini, semalam.

Piapakaran berkata, kerajaan negeri, PBT dan JAS juga wajar memindahkan atau menempatkan semula kilang atau tapak industri berisiko berhampiran sungai ke lokasi lain, yang lebih selamat dan jauh dari sumber bekalan air mentah.

Bagaimanapun, Piapakaran berkata, proses penempatan semula itu boleh dilakukan secara berperingkat selepas kajian terperinci dan tapak sesuai dikenal pasti oleh JAS bersama agensi lain, termasuk PBT dan LUAS.

"Kita tidak mahu kilang haram atau berisiko yang menjadi penyebab pencemaran sungai, di kawasan berhampiran sumber air mentah LRA," katanya.

Piapakaran juga menyambut baik tindakan pihak berkenaan membuat laporan polis, berikutan wujud dakwaan terdapat unsur sabotaj dan khianat dalam kes pencemaran sumber air mentah di Sungai Selangor, minggu lalu.

Katanya, kerajaan negeri, PBT dan kementerian berkenaan wajar membuat laporan polis, kerana tindakan mensabotaj sumber bekalan air adalah satu kesalahan jenayah.

"Sebelum siasatan rapi dijalankan, saya berharap semua pihak berhenti memberi kenyataan yang menimbulkan keresahan orang ramai atau mungkin tidak tepat," katanya.